



# HIMS

Housing Integrated Management System

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN**

### **LESEN PEMAJU PERUMAHAN** (PEMBATALAN / PENAMATAN LESEN PEMAJU)

**JABATAN PERUMAHAN NEGARA**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**

## GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PEMAJU PERUMAHAN (PEMBATALAN / PENAMATAN LESEN PEMAJU)

BIL.	PERKARA	KETERANGAN
1.	Kaedah Permohonan	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Secara dalam talian melalui Sistem HIMS di laman sesawang <a href="https://hims.kpkt.gov.my">https://hims.kpkt.gov.my</a></li><li>▪ Sebarang masalah teknikal berkaitan permohonan, sila e-mel dan <i>screenshot</i> ke <a href="mailto:hims.aduan@kpkt.gov.my">hims.aduan@kpkt.gov.my</a> atau hubungi no. telefon 03-8891 4797.</li><li>▪ <b>MANUAL PENGGUNA:</b> <a href="https://hims.kpkt.gov.my">https://hims.kpkt.gov.my</a></li></ul>
2.	Tempoh Proses Permohonan	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Tempoh proses permohonan yang lengkap diterima sehingga status 'Selesai &amp; Lulus' adalah <b>60 hari bekerja</b> (tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum).</li></ul>
3.	Alamat Surat Menyurat	Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya, W.P Putrajaya (u.p: Bahagian Pelesenan dan Pemajuan Perumahan)
4.	No. Telefon & E-mel Untuk Dihubungi	Tel: 038891 4330 / 5414 / 4102 (9.00 pagi hingga 4.00 petang, kecuali hujung minggu dan cuti umum) E-mel: rujuk e-mel pegawai di <a href="https://edirektori.kpkt.gov.my/">https://edirektori.kpkt.gov.my/</a>

## PERMOHONAN PEMBATALAN / PENAMATAN LESEN PEMAJU

### Keterangan

- Semua permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (online) melalui Housing Integrated Management System (HIMS) sahaja. Permohonan secara manual / *hardcopy* tidak akan diterima.
- Sila pastikan semua dokumen sokongan yang dikehendaki adalah lengkap dan mengikut format yang betul dan perlu **dimuatnaik dalam bentuk fail .pdf sahaja**. Sekiranya dokumen sokongan melebihi dua muka surat, sila gabungkan menjadi satu dokumen yang lengkap.
- Pastikan ruangan '**Mandatori**' (bertanda '\*\*') dilengkapkan.
- Pastikan dokumen sokongan yang dikemukakan adalah **lengkap** sebelum dimuatnaik (upload).
- Hanya **maklumat dan dokumen sokongan yang diisi dengan lengkap** sahaja akan diproses untuk mendapatkan pertimbangan ke peringkat seterusnya (peringkat sokong/ peraku). Maklumat atau dokumen yang tidak mematuhi syarat dan diklasifikasikan sebagai tidak lengkap **akan ditolak / digugurkan permohonan**.
- **Permohonan disemak mengikut giliran (tarikh permohonan diterima)**. Kegagalan mengemukakan dokumen yang lengkap akan mengakibatkan kelewatan proses mendapatkan kelulusan bagi setiap permohonan yang dikemukakan.
- Sebelum permohonan dihantar, sila cetak Borang Permohonan Digital HIMS untuk simpanan dan rekod pemaju.
- Permohonan Pembatalan / Penamatan Lesen boleh dibuat **jika pemaju tidak lagi berhasrat untuk menjalankan apa-apa pemajuan perumahan pada masa hadapan**. Bagi permohonan ini, **pemaju hanya perlu mengisi dan melengkapkan Seksyen E sahaja**.
- Sila pastikan bahawa **kesemua Akaun HDA bagi Permit (AP) telah ditutup**.
- Permohonan berstatus 'Kuiiri Semakan' akan digugurkan secara automatik JIKA pemaju gagal mengemukakan maklum balas dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kuiiri.
- Sila ambil perhatian, bahawa **jika Lesen Pemaju telah dibatalkan, pemaju tidak lagi boleh menggunakan syarikat yang sama untuk memohon Lesen Baharu pada masa akan datang**.
- Tertakluk kepada Seksyen 14 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118], Pengawal boleh pada bila-bila masa menukar, membatalkan atau mengubah syarat-syarat yang dikenakan di bawah sub-seksyen 4 Akta 118 atau mengenakan apa-apa syarat baru atau tambahan, atau jika lesen itu tidak tertakluk kepada apa-apa syarat, mengenakan ke atasnya apa-apa syarat yang difikirkannya patut bagi menguatkuasakan peruntukan Akta 118 [sub-seksyen 5(5) Akta 118].

	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Pengawal boleh, menurut budi bicaranya, memberikan sesuatu lesen dengan mengenakan atau tidak mengenakan apa-apa syarat ke atasnya atau enggan memberikan sesuatu lesen [sub-peraturan 3(3) Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989].</li></ul>
<b>Garis Panduan Permohonan (Pembatalan / Penamatan Lesen):</b>	
<b>Seksyen E</b> (Lain-Lain Dokumen)	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Muat naik <b>Dokumen Surat Iringan</b> (Perincian Tujuan Permohonan berserta Justifikasi Pembatalan Lesen Pemaju). Surat permohonan perlulah ditandatangani oleh pengarah berdaftar. Surat iringan mengikut format seperti di <b><u>LAMPIRAN 3</u></b>.</li><li>▪ Surat pengesahan dari Jabatan Perumahan Negara, KPKT bahawa kesemua Akaun HDA bagi Permit (AP) pemaju telah ditutup.</li><li>▪ Muatnaik dokumen DL terkini.</li></ul>